

Ruj. Kami : JPNP.SKPP. 04 100-10 Jld.2 (15)  
Tarikh : 14 April 2015  
24 Jamadilakhir 1436H

Semua Ketua Sektor

Semua Pegawai Pendidikan Daerah

Tuan/Puan,

*PPM (Pjg)*  
*Hobahan melalui portal,*  
*Tu K. 14/4/2015*

#### ARAHAN MENGEMASKINI MAKLUMAT PPP DAN AKP DI DALAM SISTEM e-PANGKAT

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat secara atas talian melalui Sistem Kenaikan Pangkat (ePangkat) mulai **JULAI 2012**.
3. Maklumat semua PPP dan AKP hendaklah dikemaskini ke dalam Sistem ePangkat bagi membolehkan pegawai membuat permohonan pemangkuan dan kenaikan pangkat. Kegagalan mengemaskini maklumat ke dalam sistem berkenaan telah menyebabkan berlaku keciciran dalam urusan terbabit. Untuk makluman, pihak BPSM tidak akan memproses permohonan yang dikemukakan secara di luar talian kecuali bagi kes-kes yang melibatkan pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji, cuti separuh gaji dan pegawai-pegawai kader / dipinjamkan sementara.
4. Sehubungan itu, pihak tuan/puan dipohon untuk memastikan maklumat semua PPP dan AKP di daerah tuan/puan telah dikemaskini ke dalam Sistem ePangkat. Ini kerana, sistem tersebut beroperasi secara automatik mengesan pegawai-pegawai yang layak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi setiap urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat. Sekiranya maklumat pegawai tidak dikemaskini, pegawai berkenaan tidak boleh membuat permohonan atau diperakukan dalam urusan berkenaan.
5. Pihak tuan/puan adalah dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk memastikan semua sekolah di bawah seliaan tuan/puan mengambil tindakan segera dalam hal ini. Pihak BPSM telah menetapkan ID Pegawai Pendidikan Daerah / Pengetua / Guru Besar sebagai pentadbir Sistem ePangkat. Sekiranya berlaku kekosongan jawatan pentadbir, pihak tuan/puan hendaklah memaklumkan segera kepada Unit Naik Pangkat, Jabatan Pendidikan Pahang untuk melantik pegawai lain sebagai pentadbir sementara.
6. Sebarang pertanyaan boleh diajukan terus ke Unit Naik Pangkat, Jabatan Pendidikan Pahang di talian 09-5715829 / 09-5715830 dan 09-5715832.

*(Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila berhubung)*

" 1MALAYSIA : RAKYAT DI DAHULUKAN, PENCAPAIAN DI UTAMAKAN "




7. Segala kerjasama yang tuan/puan berikan dalam hal ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**ABDULLAH BIN HAJI ABU, A.M.P**  
Penolong Pengarah (Naik Pangkat)  
b.p. Pengarah Pelajaran Pahang

s.k. :  
Timbalan Pengarah Pendidikan Pahang

Ketua Sektor Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan

Ketua Sektor Pengurusan Sekolah

Fail timbul